



7 Mac 2016

**PENSYARAH WANITA UniMAP DINOBAHKAN JUARA KESELURUHAN  
PAMERAN INOVASI ISTANBUL**

7 Mac – Pensyarah wanita dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melakar kejayaan membanggakan apabila dinobatkan juara keseluruhan di Istanbul International Inventions Fair (ISIF) 2016 yang berakhir semalam.

Dr. Latifah Munirah Kamarudin Munirah dipilih pemenang Grand Prix Award iaitu anugerah tertinggi ISIF 2016 melalui inovasinya *Unisense: Internet of Thing for Multi Sensing* yang merupakan sistem pemantauan alam sekitar berasaskan awan.

Ujar beliau yang turut meraih pingat emas pada Malaysia Technology Expo (MTE) di Kuala Lumpur bulan lalu, menerusi hasil inovasi tersebut, keadaan alam sekitar seperti kualiti udara dan air di ambil menggunakan penderia setiap 15 minit dan di hantar ke pangkalan data untuk pemantauan dan analisis.

Jelasnya, inovasi tersebut boleh digunakan untuk mengukur indeks pencemaran udara, taburan hujan serta paras air di sungai-sungai utama dan sangat berguna bagi memantau keadaan cuaca termasuk memperoleh maklumat awal sekiranya berlaku bencana.

“Kejayaan ini sememangnya amat bermakna buat saya dan pasukan penyelidik lainnya memandangkan proses perjurian yang agak ketat dengan hanya 32 pingat emas ditawarkan menerusi 500 penyertaan yang diterima, justeru dipilih sebagai yang terbaik dalam ISIF 2016 ini merupakan pencapaian terbaik saya,” ujar beliau.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Menteri Sains, Industri dan Teknologi Turki, Fikri Isik. ISIF 2016 merupakan pameran inovasi dan rekacipta yang pertama kali diadakan di Turki anjuran Kementerian Sains, Industri dan Teknologi bersama Institut Paten Turki, Anatolia Inventions Inventors Association (ABDER) dan International Federation Inventors' Associations (IFIA).

Pameran yang berlangsung mulai 3 Mac di Pusat Kongress Istanbul, Turki itu disertai oleh 25 buah negara antaranya, Turki, Bosnia, Korea, China, Jerman, Poland, Romania, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain, Iraq, Iran, Portugal, Iceland, India, Brazil dan Malaysia.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, kejayaan Dr. Latifah Munirah membuktikan penyelidik wanita juga mampu menghasilkan inovasi yang bukan sahaja berupaya memenangi pingat tetapi memberi manfaat kepada masyarakat.

“Kemenangan ini satu isyarat bahawa UniMAP tidak ketandusan penyelidik-penyelidik wanita berwibawa yang boleh mengharumkan nama negara dan UniMAP khasnya sekaligus menjadi penyuntik semangat untuk penyelidik wanita lainnya untuk terus berusaha menghasilkan inovasi yang berkualiti,” ujar beliau.

Selain Dr. Latifah Munirah, UniMAP turut meraih satu lagi pingat emas melalui felo di Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech), Shamala Ramasamy melalui penyelidikannya Pro Eco-Paint yang merupakan hasil penyeliaan mantan Naib Canselor UniMAP Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin.

Penyelidik UniMAP juga menyumbang satu pingat perak melalui Dr. Rozyanty Rahman (CEGeoGTech) dan empat pingat gangsa menerusi Dr. Muzamir Isa (PPK Sistem Elektrik), Dr. Sharifah Shahnaz Syed Bakar (PPK Bahan), Baharuddin Ismail (PPK Sistem Elektrik) dan Nurul Razliana Abdul Razak (Fakulti Teknologi Kejuruteraan).

Selain UniMAP deligasi penyelidik Malaysia di bawah Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) turut disertai oleh beberapa buah sekolah seperti Sekolah Menengah Sains (SMS) Tuanku Syed Putra, SMS Hulu Selangor, SMS Muar, Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi (SBPI) Rawang, Kolej Tunku Kurshiah, Sekolah Seri Puteri dan Sekolah Menengah

St. Michael Penampang Sabah. Malaysia menduduki tangga kedua keseluruhan dengan pungutan tiga pingat emas, satu pingat perak dan 13 gangsa di belakang Turki.

**Dikeluarkan Oleh :**

**SUHANA ABDUL MUTALIB**

Pengarah

Unit Perhubungan Media UniMAP

([suhanamutalib@unimap.edu.my](mailto:suhanamutalib@unimap.edu.my))